

Naib Canselor UMS kecewa dengan tajuk akhbar yang mengelirukan

MSUHS 9.6.2016 5
KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah melahirkan kekecewaan terhadap sebuah akhbar tempatan yang memuatkan tajuk berita yang tidak tepat berhubung insiden bas terbabas yang berlaku di kampus itu di sini semalam.

Katanya, akhbar tersebut dalam tajuk besarnya pada muka surat hadapan hari ini (06 Jun 2016) "UMS bus lands on side: 34 hurt" tidak mencerminkan keadaan sebenar dan boleh mengelirukan pembaca khususnya ibu bapa pelajar yang terlibat.

"Sebagai makluman, bas yang terlibat dalam insiden

itu bukan milik UMS mahupun bas yang disewa khas daripada syarikat pengangkutan luar. Ia adalah bas ekspres daripada syarikat swasta yang membawa penumpang terdiri daripada 34 pelajar UMS dari pusat beli-belah 1Borneo menuju ke kolej kediaman pelajar di dalam kampus," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Dr Harun, isi berita yang disiarkan akhbar berkenaan adalah tepat namun tajuk yang digunakan pula menggambarkan makna yang berlawanan sekali gus mampu mengundang persepsi negatif masyarakat terhadap UMS.

"Sesebuah laporan akhbar itu seharusnya mempunyai fakta yang tepat dan

sahih bukan sahaja pada isi berita tetapi yang lebih utama pada tajuknya sebagai menggambarkan inti utama berita yang disampaikan," tambahnya lagi.

Dalam insiden bas ekspres terbabas di Jalan Simpong Masjid/Canselori itu, 23 pelajar telah dihantar di Pusat Rawatan Warga UMS, manakala 11 orang lagi menerima rawatan di Hospital Likas, sebelum lima yang lain di rujuk ke Hospital Queen Elizabeth bagi tujuan pemeriksaan X-Ray untuk melihat sekiranya terdapat kecederaan dalaman.

Kesemua 34 pelajar yang terlibat kemudiannya dibenarkan pulang pada hari yang sama ke kolej kediaman masing-masing.